



Headline: Macau Scam tukar taktik jadi pegawai LHDN
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 22 December 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 40



Mangsa hanya menyedari dirinya terus ditipu selepas suspek masih lagi meminta wang sebelum membuat laporan polis. Modus operandi sindiket ini adalah memperdaya mangsa dengan menyamar sebagai pegawai LHDN.

Mohd Wazir Mohd Yusof,
Ketua Jabatan Siasatan
Jenayah Komersial Pahang

Macau Scam tukar taktik jadi pegawai LHDN

Kuantan: Sindiket Macau Scam kini dikesan menyamar sebagai pegawai dan kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk memperdayakan mangsa, termasuk menggunakan alasan tunggakan cukai sebagai taktik penipuan mereka.

Modus operandi itu dikesan selepas seorang wanita berusia 43 tahun kerugian RM65,619 selepas diperdayakan sindiket berkenaan, di sini, Khamis lalu, selepas dihubungi seorang individu yang menyamar sebagai pegawai LHDN Alor Setar.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata dalam kejadian itu, suspek mendakwa mangsa memiliki jumlah cukai tidak berbayar RM17,600.76, iaitu tunggakan selama 15 bulan yang perlu diselesaikan segera bagi mengelak tindakan undang-undang.

"Kemudian, lelaki berkenaan meminta mangsa membuat bayaran segera bagi menyelesaikan tunggakan itu. Malah, suspek turut meminta maklumat kad bank milik mangsa atas alasan mahu membantu memudah-

kan proses pembayaran berkenaan. Mangsa seterusnya menyerahkan butiran peribadi dua kad ATM miliknya kepada suspek.

"Mangsa kemudian menerima beberapa nombor TAC sebelum memberi kepada suspek secara berperingkat. Semalam (kelmarin), mangsa dihubungi pihak bank memaklumkan ada dua transaksi dilakukan, masing-masing RM4,9647.87 dan RM1,5971.25, dari akaunnya ke akaun tidak dikenali," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Katanya, mangsa hanya menyedari dirinya terus ditipu selepas suspek masih lagi meminta wang sebelum membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan kelmarin.

"Modus operandi sindiket ini adalah memperdaya mangsa dengan menyamar sebagai pegawai LHDN sehingga mendorong wanita itu membuat bayaran.

"Kes sedang disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan atas kesalahan menipu yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun, sebat dan denda jika sabit kesalahan," katanya.